

14 MAY 2002

KADA-Pertanian

KADA BERJAYA GANTI TEMBAKAU DENGAN SAYUR/BUAH-BUAHAN

BACHOK, 14 Mei (Bernama) -- Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) berjaya mengusahakan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang mampu memberi pendapatan lebih lumayan berbanding tembakau.

Setiausaha Politik I kepada Perdana Menteri, Datuk Mohd Johari Baharum berkata KADA telah membuktikan kemampuan tanaman itu sebagai tanaman komersil yang boleh menggantikan tanaman tembakau yang selama ini diusahakan oleh petani terutamanya di jajahan Bachok.

"Saya selaku Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Insya-Allah akan memaklumkan kepada Perdana Menteri supaya kerajaan memberi perhatian penuh kepada usaha yang sedang dilaksanakan oleh KADA," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mohd Johari bersama dua lagi setiausaha politik kepada perdana menteri iaitu Maithias Chang dan Abdul Mutalib Alias (Menteri Kewangan) serta Setiausaha Politik kepada Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob iaitu Datuk Wan Adnan Wan Mohamad, melawat Projek Komersil Tanaman Sayur-Sayuran dan Buah-Buahan KADA di Jajahan Bachok.

Antara buah-buahan yang diperkenalkan KADA ialah tembikai, tembikai wangi, nanas dan pisang selain sayur-sayuran seperti terung, kacang panjang, kacang buncis, timun, petola, labu air, labu madu dan cili.

Mohd Johari berkata Perdana Menteri akan dibawa melawat projek komersil tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan KADA itu pada suatu masa nanti bagi melihat sendiri kejayaan yang dicapai oleh agensi berkenaan dalam membangunkan pendapatan golongan petani.

Beliau berkata Dr Mahathir sememangnya suka melihat usaha yang dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat terutama melalui bidang pertanian.

"Perdana Menteri sendiri di Kubang Pasu (Kedah), sedang berusaha supaya diadakan sebuah kampung contoh. Kampung ini akan menumpukan kepada pelbagai perkara yang boleh meningkatkan taraf hidup penduduk terutama dalam bidang pertanian dan industri hiliran," katanya.

Sementara itu, Pengerusi KADA, Tan Sri Husein Ahmad berkata usaha keras KADA selama ini telah menjawab pertanyaan Dr Mahathir 15 tahun yang iaitu "apakah boleh ditukar tanaman tembakau kepada tanaman lain supaya pendapatannya tidak kurang daripada yang diperolehi tanaman tembakau".

"Melalui pendapatan lumayan yang diperolehi penduduk sekarang ini daripada tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, kini KADA menjawab pertanyaan Perdana Menteri itu dengan berkata boleh," katanya.

Beliau berkata usaha KADA membangunkan projek komersil itu, terutama di kawasan tanah terbiar dan hutan pokok gelam, adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk menambah makanan negara.

Katanya KADA telah mengenal pasti kawasan seluas 200 hektar di Bachok untuk dibangunkan dengan projek komersil itu yang membabitkan kos kira-kira RM25 juta.

"Kawasan seluas 8 hektar telah mengeluarkan hasil manakala kawasan seluas 80 hektar lagi akan dibangunkan sepenuhnya pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata setiap 0.4 hektar boleh memberi hasil kira-kira RM7,000 dalam tempoh dua bulan.

Husein berkata KADA sedang membina sistem pengairan dan saluran yang mencukupi bagi memastikan projek komersil itu dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Beliau berkata ramai petani yang mengusahakan tanaman tembakau telah

beralih menyertai projek komersil berkenaan dan mereka berpuashati dengan pendapatan yang dinikmati sekarang.

Ditanya mengenai pasaran, Husein berkata pihaknya mendapat kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Pasar Borong dan Pasar Rakyat.

-- BERNAMA

BD RAR LAT